



SSM Terima Anugerah PBB 2013

SEMINAR KEBANGSAAN MENGENAI
PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HAR
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

“Ke Arah Tadbir Urus Lebih Baik
bisasi Bukan Berasaskan Keuntungan (N

Dirasmikan Oleh:

YB Dato' Hasan Bin Malek

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Ketahui Risiko

Mengurus Organisasi Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO)

IMPIAN DAN HARAPAN TAHUN BAHARU

SELAMAT TAHUN BAHARU 2014 buat semua pembaca Buletin SSM.

Sebelum melabuhkan tirai 2013, Malaysia telah dilanda banjir teruk di kawasan pantai timur dan pekerja SSM yang berada di kawasan tersebut tidak terkecuali. Salam simpati saya ucapkan kepada rakan-rakan kita yang terlibat sebagai mangsa banjir kesan dari bencana banjir besar yang melanda Bandar Kuantan di penghujung tahun 2013. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Sebagai tanda prihatin dan atas semangat kekeluargaan, Pengurusan dan warga SSM sempat memberikan sumbangan ikhlas bagi meringankan beban yang ditanggung oleh 18 orang rakan-rakan sekerja kita. Semoga tabah menghadapi dugaan ini.

Impian dan harapan, dua perkataan yang ideal kepada semua. Masing-masing mempunyai impian dan juga meletakkan harapan menggunung agar semua impian menjadi kenyataan.

Dalam dunia yang semakin sengit dan penuh persaingan, impian dan harapan mampu membawa diri menongkah arus. Tanpa impian, kita langsung tidak menaruh harap, apatah lagi berusaha gigih untuk memperolehi sesuatu. Impian dan harapan memberikan aura untuk kita menjadi insan cemerlang.

Kita harus terus memacu, mengemudi dan melaksanakan kerja-kerja yang belum selesai dan rancangan-rancangan baru ke arah mempertingkatkan kecemerlangan organisasi disamping melaksanakan tanggungjawab kita kepada agama dan keluarga yang disayangi. Kehendak dan harapan pihak-pihak berkepentingan sering meningkat. Masih terdapat banyak ruang untuk kita melakukan penambahbaikan dan kemajuan bagi kita mencapai visi jelas SSM iaitu untuk menjadi institusi pendaftar perniagaan, penyalur maklumat dan pengawalselia korporat bertaraf dunia seiring dengan Program Hala Tuju Strategik SSM (SDP).

Tahun 2014, mahu atau tidak, cabaran-cabaran pasti mendatang. Untuk berjaya, kita perlu bekerja sebagai satu pasukan dengan satu semangat, satu visi dan satu matlamat.

Dengan itu, saya menyeru agar warga SSM terus menjadi warga yang berintegriti, berinovasi, berproduktiviti tinggi demi untuk kecemerlangan SSM.

Selamat Datang 2014.

Zahrah Abd Wahab Fenner
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Perkhidmatan)
Ketua Pengarang Buletin SSM



KANDUNGAN

- 3 Tahniah Dato' KPE SSM
- 4 • Tahniah Menteri PDNKK
• Majlis Perpisahan
- 5 Anugerah Inovasi
- 6 Seminar Kebangsaan Mengenai NPO 2013
- 8 Ketahui Perkongsian Liabiliti Terhadap
- 9 Sedekad Bersama SSM
- 10 SSM Terima Anugerah PBB
- 11 Lawatan Unicef Ke SSM
- 12 Pencapaian Utama SSM Tahun 2013
- 14 • Hari Integriti
• Latihan Kebakaran
- 15 Perlaksanaan 5S
- 16 • Dialog Tahunan SSM
• Usahawan Di Sharjah UAE Minat Melabur Di Malaysia
- 17 Pelancaran Kedaikita
- 18 Faedah Perniagaan Online
- 19 Aktiviti Kelab SSM
- 20 • Kursus Kepimpinan
• Program Pembangunan Eksekutif
• Kursus Pemantapan Kepimpinan
• Kursus Kemahiran Kaunseling
- 22 Practice Note No.16/2013
- 23 • Pekerja Baru
• Persaraan
• Dalam Kenangan
- 24 SSM Dalam Berita
- 25 Peristiwa Bergambar

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Ketua Pegawai Eksekutif SSM
Dato' Mohd Naim Daruwish
mnaim@ssm.com.my

KETUA PENGARANG

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
Zahrah Abd. Wahab Fenner
zahrah@ssm.com.my

PENYELARAS PENERBITAN

Farid Ahmad
farid@ssm.com.my

PENGARANG/EDITOR

Suzana Mohd Razali
suzana@ssm.com.my
Wan Ahmad Lokman Wan Abu Hanipah
wanlokman@ssm.com.my

PENULIS/PENYUMBANG BAHAN

Suzana Mohd Razali

JURUGAMBAR

Ahli Kelab Fotografi SSM
Mohd Rafique Kosnin

PENYUMBANG MAKLUMAT

Aziz Mamat
Jegatheesan a/I Govintharaj
Khairon Niza Md Akhir
Khalid Mohamed
Manis Said
Mohamad Awi Ibrahim
Mohd Rafique Kosnin
Mohd Zawawi Ahmad
Samsiah Ibrahim
Samsul Bahari Adnan

PENGEDARAN

Hairul Adhar Ramli
Mior Muhammad Amin Adam

TAHNIAH

DATO' MOHD NAIM DARUWISH, KPE SSM

Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor telah berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran Dato' - Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S) kepada Dato' Mohd Naim Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan yang ke 68 Baginda pada 11 Disember 2013 yang lalu. Pihak pengurusan dan warga kerja SSM mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Mohd Naim Daruwish di atas pergurniaan ini.





TAHNIAH

YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK MENTERI PDNKK

Pengurniaan darjah kebesaran Sri Sultan Ahmad Shah (SSAP) sempena hari keputeraan ke-38 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.

MAJLIS PERPISAHAN

YB DATUK HJ SAPAWI AHMAD sebagai Anggota Suruhanjaya



YB Datuk Hj. Sapawi Ahmad sedang memberikan ucapan perpisahan.



Tempoh pelantikan YB Datuk Hj. Sapawi Ahmad sebagai Anggota Suruhanjaya SSM telah tamat secara rasmi pada 19 Julai 2013. Beliau yang telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya selama 4 tahun telah diraikan dalam satu majlis perpisahan yang telah diadakan pada 26 September 2013 bertempat di Menara SSM@Sentral. Majlis tersebut telah dihadiri oleh YB Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagai tetamu kehormat, YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim, Ketua Setiausaha KPDNKK merangkap Pengerusi SSM, Anggota-Anggota Suruhanjaya dan Pengurusan Tertinggi SSM.

SSM Terima ANUGERAH INOVASI KPDNKK

Pada 31 Oktober 2013, bertempat di KPDNKK Putrajaya, SSM telah berjaya mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga dalam Pertandingan Anugerah Inovasi Peringkat Agensi sempena sambutan Hari Inovasi Kementerian melalui penyertaan Projek Sistem *Corporate and Business Information* CBID, Program Pengenalan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) dan projek SSM *EasyBiz Kiosk*.

Semoga dengan pengiktirafan dan kejayaan ini akan menjadi suntikan semangat dan mendorong pekerja SSM untuk terus berfikiran inovatif dan kreatif demi kecemerlangan organisasi.



SSM dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) Anjur

SEMINAR

NPO

Seminar Kebangsaan Mengenai
Pencegahan Pengubahan Wang Haram Dan
Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2013
Ke Arah Tadbir Urus Lebih Baik
Organisasi Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO)

“Tema seminar ini membincangkan mengenai asas kepada tadbir urus yang baik iaitu prinsip keterbukaan, integriti dan kebertanggungjawaban.”

Seminar Kebangsaan Mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2013 yang bertemakan "Ke Arah Tadbir Urus Lebih Baik Organisasi Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO)" merupakan seminar yang dianjurkan secara bersama oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

Penganjuran seminar ini juga berasaskan kolaborasi dan kerjasama strategik dalam projek kajiselidik amalan tadbir urus di kalangan NPO yang dikawalselia oleh SSM dan ROS dengan pihak "Accounting Research Institute (ARI)" Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Seminar yang julung-julung kalinya diadakan dihadiri oleh seramai 250 pegawai-pegawai utama yang mengurus dan menjalankan operasi NPO. Tema seminar ini membincangkan mengenai asas kepada tadbir urus yang baik iaitu prinsip keterbukaan, integriti dan kebertanggungjawaban.

Tadbir urus dalam konteks NPO berkait dengan struktur dan proses membuat keputusan, kebertanggungjawaban, kawalan dan tingkah laku di peringkat tertinggi organisasi termasuk usaha-usaha yang digembeleng ke arah menghapuskan peluang melakukan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta kemungkinan disalahguna sebagai perantara untuk membiayai keganasan samada secara disadari ataupun tidak.



Secara umumnya NPO ditubuhkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang melibatkan kepentingan awam atau peribadi tanpa apa-apa tujuan komersil atau keuntungan. Pertubuhan sebegini aktif dalam skop dan ruang lingkup yang luas, antaranya alam sekitar, bantuan kemanusiaan, perlindungan haiwan, pendidikan, seni, isu sosial, kebajikan, pendidikan awal kanak-kanak, kesihatan, politik, agama, penyelidikan dan sukan.

Terdapat tiga agensi kerajaan yang mengawal-selia undang-undang dan peraturan berkaitan pendaftaran NPO di Malaysia iaitu:

a. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk organisasi yang didaftarkan sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan;

b. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) untuk organisasi yang berdaftar sebagai pertubuhan; dan

c. Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri untuk organisasi yang berdaftar sebagai pertubuhan.

Sebanyak 53,851 NPO telah didaftar di Malaysia, merangkumi:

- a. 1,869 Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang berdaftar dengan SSM di bawah Akta Syarikat 1965;
- b. 51,734 Pertubuhan yang berdaftar dengan ROS di bawah Akta Pertubuhan 1966;
- c. 248 Yayasan dan Pemegang Amanah yang berdaftar dengan Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

Berdasarkan Laporan Sesi Penilaian Bersama Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG) kali kedua bagi tahun 2007. Sektor NPO Malaysia telah mendapat penarafan yang sederhana iaitu "Partially Compliant (PC)";

Untuk memperbaiki penarafan terhadap Sektor NPO Malaysia ini beberapa inisiatif telah dilaksanakan termasuk seminar ini yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai bahaya pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan terutamanya melibatkan sektor NPO.

Proses Penilaian Bersama APG kali ketiga terhadap Malaysia dijangka akan diadakan pada Ogos 2014. Sehubungan itu, setiap agensi yang terlibat giat memastikan persiapan dan tindakan susulan proaktif diambil terhadap cadangan terkini yang dikemukakan dalam 'The Financial Action Task Force (FATF) Special Recommendation'.

Seminar ini juga diharap akan memberi nilai tambah yang positif kepada usaha-usaha yang dijalankan sebagai persiapan dan persediaan negara bagi menghadapi Penilaian Bersama APG kali ketiga pada Ogos 2014 yang akan datang terutamanya untuk penambahbaikan tahap penarafan melibatkan Sektor NPO.



KETAHUI PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD



1 Apakah Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)?

Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) merupakan bentuk perniagaan alternatif yang menawarkan ciri-ciri hibrid di antara perkongsian konvensional dan syarikat. Antara ciri-ciri istimewa PLT adalah ianya sama seperti perkongsian konvensional dari segi fleksibiliti dalam pentadbirannya dan sama seperti syarikat dari segi liabiliti terhad ke atas rakan kongsinya.

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 mula dikuatkuasakan pada 26 Disember 2012, sementara pendaftaran PLT telah dibuka untuk pendaftaran bermula 5 Februari 2013.

PLT diperkenalkan di Malaysia dengan tujuan:

- ▶ Memberikan komuniti perniagaan di Malaysia suatu bentuk perniagaan alternatif untuk melengkapkan lagi pilihan tradisional milikan tunggal, perkongsian dan syarikat-syarikat (tempatan dan asing);
- ▶ Memberikan akses kepada status liabiliti terhad kepada perniagaan berbentuk perkongsian;
- ▶ Memberikan cara menjalankan perniagaan yang mampu dimiliki.

4 Bagaimana perkembangan PLT sejak ia diperkenalkan?

Memandangkan PLT merupakan suatu bentuk perniagaan yang baharu, SSM telah mensasarkan sebanyak 200 PLT didaftarkan untuk tahun 2013. Namun begitu, sejak pendaftaran PLT dibuka pada 5 Februari 2013, sebanyak 1,440 didaftarkan sehingga 31 Disember 2013.

Pendaftaran terdiri daripada pelbagai bidang perniagaan dan golongan profesional.



2 Apakah perbezaan antara PLT dan syarikat serta perkongsian biasa?

Terdapat banyak perbezaan yang jelas antara PLT dan syarikat. Antara lain, perbezaannya adalah:-

- ▶ Tiada keluaran saham (sebaliknya modal dalam bentuk modal kongsi oleh rakan kongsi);
- ▶ Fleksibiliti membuat keputusan;
- ▶ Tiada keperluan formal untuk Mesyuarat Agung Tahunan;
- ▶ Tiada keperluan untuk mengemukakan penyata kewangan kepada SSM; dan
- ▶ Akaun tidak perlu diaudit.

Perbezaan PLT dengan perkongsian biasa ialah PLT menawarkan liabiliti terhad kepada rakan kongsinya di mana apa-apa hutang dan obligasi PLT akan ditanggung sepenuhnya oleh aset-aset PLT. Dalam kes perkongsian konvensional pula, rakan kongsi mempunyai liabiliti secara bersesama dan berasingan (jointly and severally liable) dengan firma perkongsian itu.

5 Apakah langkah SSM untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai tentang PLT?

SSM berpandangan bahawa kesedaran orang ramai berhubung kewujudan PLT ini masih di tahap sederhana.

Pelbagai program dan aktiviti kesedaran telah diadakan/dijalankan oleh SSM termasuk:

- ▶ Sesi taklimat dan seminar;
- ▶ Sesi taklimat dengan agensi kerajaan dan badan berkanun;
- ▶ Siaran iklan dan rencana di akhbar-akhbar utama;
- ▶ Sesi temubual di program TV seperti Malaysia Hari Ini dan Nasi Lemak Kopi O

SSM juga menjalinkan kerjasama strategik dengan badan-badan profesional seperti MIA, ACCA, IACS dan MAICSA untuk mengadakan seminar di seluruh negara. Di samping itu, SSM juga menerima jemputan untuk mengadakan taklimat dengan badan-badan korporat dan agensi-agensinya kerajaan.

3 Siapa dan kenapa sesuatu pihak perlu mendaftarkan perniagaan di bawah kategori PLT?

SSM mensasarkan golongan berikut untuk pendaftaran PLT:

- ▶ Perniagaan kecil (perniagaan yang baru bermula)
- ▶ Golongan profesional (e.g. peguam, akauntan, setiausaha syarikat)
- ▶ Usahasama (joint ventures)
- ▶ Modal teroka (venture capital)

PLT memberikan fleksibiliti dari segi pengurusan dalaman sesebuah organisasi yang tertakluk kepada perjanjian di antara rakan kongsi manakala syarikat tertakluk kepada keperluan pematuhan yang lebih ketat yang terkandung di dalam Akta Syarikat 1965.

6 Sasaran dan pelan SSM bagi meningkatkan jumlah pendaftaran PLT pada tahun hadapan?

SSM mensasarkan peningkatan pendaftaran PLT pada tahun 2014 sebanyak 3%. Memandangkan PLT baru sahaja diperkenalkan, trend pendaftaran PLT masih belum stabil dan analisa terperinci perlu dilakukan bagi memberikan sasaran yang lebih bermakna.

Walau apapun jua, SSM akan meneruskan program pendidikan dan kesedaran serta kerjasama strategik dengan pihak-pihak berkepentingan untuk memastikan PLT diberi pertimbangan oleh orang ramai untuk tujuan mendaftarkan perniagaan dengan SSM.



Sedekad bersama SSM

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Penubuhannya pada 16 April 2002 merupakan satu langkah transformasi strategik kerajaan untuk mewujudkan satu persekitaran perniagaan yang kondusif, dinamik, dan berdaya saing.

BAGI mencapai matlamat tersebut, pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang komprehensif, efisien dan dinamik.

- SSM berpelembang serta mempunyai fungsi utama iaitu:
 - Bertanggungjawab mendaftarkan penubuhan syarikat dan perniagaan di Malaysia;
 - Sebagai pusat sehati bagi perkhidmatan penyediaan dan penyaluran maklumat sektor korporat;
 - Mengawalsetia pematuhan sektor korporat dan mengambil tindakan penguatkuasaan; dan
 - Menyediakan latihan serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk sektor korporat

Melalui pelaksanaan fungsi-fungsinya di atas, SSM telah berjaya memainkan perannya sebagai salah satu agensi utama kerajaan dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara serta merealisasikan aspirasi kerajaan untuk memperkasakan sektor perniagaan dan korporat di Malaysia. Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan berinovatif serta jalinan kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta telah berjaya mewujudkan ekosistem perniagaan yang dinamik dan mantap di Malaysia.

Sehingga 31 Ogos 2013, sejumlah 1.04 juta buah syarikat telah diperbadankan manakala 5.2 juta perniagaan didaftarkan di Malaysia. SSM sebagai sebuah badan kawal selia korporat juga komited memberi kesedaran dan melaksanakan tabiat urus korporat yang tinggi dalam kalangan pegawai-pegawai syarikat dan pihak-pihak berkepentingan. Usaha SSM ini telah berjaya meningkatkan amalan tabiat urus yang baik dan pematuhan undang-undang yang tinggi dalam sektor korporat.



DATUK Hasan Malek mendengar taklimat pengumuman di Menara SSM@KL Sentral.




PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyempahkan Sijil Pendaftaran Perniagaan ketika melawat pejabat cawangan SSM di UTC Kedah.



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Hasan Malek menyempahkan ucapan persembahan pada Peridangan Kebangsaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2013.

Pemantapan penyampaian perkhidmatan


● Pelaksanaan MyCOID Portal
 MyCOID Portal merupakan satu perkhidmatan yang diratujui oleh SSM bagi pemerdagangan syarikat dan informasi tersebut akan disalurkan untuk pendaftaran berskala dengan Jabatan/Agensi Kerajaan berkonsepkan penggunaan nombor syarikat sebagai sumber rujukan identiti tunggal bagi memudahkan transaksi pelanggan dengan Jabatan/Agensi Kerajaan.



● Kemudahan e-Info
 Perkhidmatan e-Info merupakan inisiatif SSM untuk menyediakan perkhidmatan-layanan diri secara atas talian (online) dan waktu secepat (real time) bagi penyalaran dan pembekalan maklumat korporat untuk pelanggan.

● Perkhidmatan e-Lodgement
 Kemudahan e-Lodgement adalah perkhidmatan atas talian yang disediakan oleh SSM bagi perkhidmatan khidmat atas talian serahsimpul dokumen oleh syarikat dan perniagaan yang disediakan melalui kerjasama strategik dengan pihak MAMPU.

● Perkhidmatan Pendaftaran Pantas: Perniagaan 1 Jam, Syarikat 1 Hari
 SSM kini menawarkan perkhidmatan pendaftaran perniagaan dilakukan dalam tempoh satu jam manakala bagi pemerdagangan syarikat pula dalam tempoh sehari selaras dengan Program Pelanggan SSM.



Penguatkuasaan dasar dan perundangan

● Pelaksanaan Perlesenan Liabiliti Terhad (PLT)
 PLT yang diperkenalkan merupakan satu wadah baharu perniagaan sebagai opsiyen tambahan kepada struktur perniagaan sedia ada iaitu syarikat, mikran tunggal dan perkongsian. PLT memberikan akses kepada liabiliti terhad kepada pakej bagi mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif, kompetitif dengan prosedur yang mudah dan kos efektif kepada golongan usahawan.

● Pengenalan Rang Undang-Undang Syarikat yang baharu
 Rang Undang-Undang Syarikat yang baharu akan diperkenalkan bagi menggantikan Akta Syarikat 1965 selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan dinamik. Rang Undang-Undang Syarikat ini akan meningkatkan pengetahuan konsep-konsep baharu yang lebih dinamik dan bersejuaian dengan keperluan dan kehendak masyarakat korporat untuk menjadi lebih mampan dan kompetitif.

● Pengurusan dan Penyelenggaraan Sistem Kepentingan
 SSM mempromosikan, mengurus dan mengawalsetia skim kepentingan yang merupakan medium pelaburan alternatif untuk mengumpul dana merentasi aktiviti perniagaan. Sejak bulan Mac 2013, sebanyak 191 skim kepentingan telah didaftarkan dan dikawal selia oleh SSM yang melibatkan penawaran sebanyak RM5 bilion. Disamping itu SSM akan memperkenalkan satu kerangka perundangan yang khusus dan kompetensif bagi skim kepentingan di Malaysia.

● Pembangunan Sistem XBRL (eXtensible Business Reporting Language)
 SSM sedang giat membangunkan XBRL sebagai saluran pemroses data pelaporan kewangan. XBRL ini dapat dimanfaatkan untuk menyedia, menganalisa dan menganalisis informasi kewangan di kalangan penyedia dan pengguna informasi termasuk agensi-agensi utama kerajaan yang lain.

tingan yang merupakan medium pelaburan alternatif untuk mengumpul dana merentasi aktiviti perniagaan. Sejak bulan Mac 2013, sebanyak 191 skim kepentingan telah didaftarkan dan dikawal selia oleh SSM yang melibatkan penawaran sebanyak RM5 bilion. Disamping itu SSM akan memperkenalkan satu kerangka perundangan yang khusus dan kompetensif bagi skim kepentingan di Malaysia.

Kesedaran dan pengalakan perniagaan

● Pakej Insentif Pendaftaran dan Pembaruan Perniagaan
 SSM telah memperkenalkan pakej insentif untuk merangsang golongan peniaga dan peniaga kecil di mana yuran atau fi pendaftaran dan pembaruan perniagaan dikurangkan kepada RM50 untuk tempoh 5 tahun berbanding dengan kadar semasa iaitu RM200 selalunya untuk pendaftaran perniagaan atas nama individu dan RM60 selalunya untuk pendaftaran nama firma. Insentif ini dilaksanakan bermula 1 Jun 2013 sehingga 31 Disember 2013 yang telah memberi manfaat kepada sejumlah 715,958 peniaga dan peniaga kecil.

● Insentif Pendaftaran dan Pembaruan Perniagaan untuk Golongan Dring Klaiman Ujara (OKU)
 Bermula bulan Oktober 2012, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporatnya, SSM telah memperkenalkan insentif bagi menggalakan pengalakan golongan OKU dalam aktiviti perniagaan dimana yuran pendaftaran dan pembaruan perniagaan diberikan secara percuma sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat SSM.

● Program Turun Padang (Outreach)
 Pelbagai aktiviti turun padang telah dilaksanakan bertujuan mendekati pihak-pihak berkepentingan dan awam untuk memberi kesedaran berkaitan pematuhan undang-undang dan tadbir urus korporat. Melalui program seperti ini, perkhidmatan yang ditawarkan oleh SSM serta khidmat nasihat turut disediakan. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 57 program turun padang telah diadakan di seluruh negara termasuk penyertaan di program, pameran dan seminar yang dianjurkan oleh pihak ketiga.

● Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) yang ditubuhkan berjaya memberi pendidikan dan latihan korporat berterusan dengan pendekatan lebih komprehensif, berstruktur dan berkesan bertujuan memberikan kesedaran tentang keperluan pematuhan undang-undang ke-



TIMBALAN Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (tiga dari kiri) meraikan Sambutan Ulang Tahun ke-10 SSM pada Majlis Persembahan Program Outreach SSM Zon Selatan di Puchong, Johor.



DATUK Hasan Malek menyempahkan Sijil Pendaftaran Perniagaan kepada seorang peniaga ketika Program SSM Bersama Rakyat di Kuala Besut, Terengganu.



DATUK Hasan Malek merasmikan Pusat Perkhidmatan Perniagaan SSM ketika melawat Menara SSM@KL Sentral.



DATUK Hasan Malek bersama jempukan khas semasa SSM National Conference 2013.



Perniagaan anda bermula di SSM

SSM TERIMA ANUGERAH PBB

Sempena Majlis Sambutan Ulangtahun Pertubuhan Bangsa Bersatu yang ke-68 pada 24 Oktober 2013 yang telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pelajaran, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin, SSM telah menerima pengiktirafan dari Pertubuhan Bangsa Bersatu yang dinamakan 'UN Award 2013 for Millenium Development Goal' berasaskan kolaborasi strategik dengan pihak UNICEF melalui penerbitan Best Business Practices serta aktiviti dan program CSR SSM bersama pihak UNICEF.



LAWATAN unicef KE SSM

Sempena Seminar “*Corporate Social Responsibility and Children’s Rights and Business Principles*”



Satu siri seminar telah dijalankan pada 29 Oktober 2013 bertajuk “*Corporate Social Responsibility and Children’s Rights and Business Principles*” di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur Sentral, Kuala Lumpur untuk sektor korporat. Objektif utama seminar tersebut adalah untuk:

- Meningkatkan kesedaran mengenai hak kanak-kanak
- Melaksanakan dan memerhati kaedah perniagaan yang ‘*child-friendly*’ di tempat kerja, pasaran, komuniti dan persekitaran
- Mempromosi penyelidikan dan pembangunan untuk mereka penyelesaian inovatif isu-isu yang melibatkan kanak-kanak

Sempena dengan seminar ini pihak Unicef telah membuat kunjungan hormat ke pejabat Ketua Pegawai Eksekutif bagi mengeratkan hubungan kedua pihak.



1



Soft launch SSM's Contact Centre

Mulai 18 Februari 2013, nombor talian hotline SSM sebelum ini iaitu 03-2299 5500 telah ditukar kepada SSM Contact Centre iaitu (Tel) 03-7721 4000 dan (Faks) 03 - 7721 4001.

18 Februari 2013

2

MyLLP
LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP

Pelaksanaan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

PLT yang diperkenalkan merupakan satu wadah baharu perniagaan sebagai opsyen tambahan kepada struktur perniagaan sedia ada iaitu syarikat, milikan tunggal dan perkongsian. PLT memberikan akses kepada liabiliti terhad kepada perkongsi bagi mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif, kompetitif dengan prosedur yang mudah dan kos efektif kepada golongan usahawan.

21 Februari 2013

3



Pelancaran Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik (BBPC) SSM-UNICEF 4/2013 – Education for Sustainable Development : Promoting Technical Education and Vocational Training

Majlis ini diadakan secara usahasama di antara SSM dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Children's Fund – UNICEF) bagi menyokong usaha kerajaan untuk membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Modal insan merupakan pelaburan terpenting bagi pembangunan sesebuah negara dan menjadi teras kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif.

5 Mac 2013

7



Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia SSM & Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memeterai perjanjian dengan Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menjalinkan kerjasama bagi menjalankan penyelidikan berkaitan tadbir urus organisasi bukan keuntungan /non-profit organisations (NPO) di Malaysia. Majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara SSM dan UiTM itu diadakan di Bangunan Canselor Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM.

18 Jun 2013

8

BEST BUSINESS PRACTICE CIRCULAR 5/2013
**Corporate Responsibility:
Guidance to Disclosure and Reporting**

Pelancaran Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik (BBPC) SSM 5/2013 – Corporate Responsibility: Guidance to Disclosure and Reporting

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah melancarkan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik SSM yang ke-5 bertajuk "Corporate Responsibility: Guidance to Disclosure and Reporting" pada 2 Julai 2013. Pekeliling ini diterbitkan untuk menggalakkan pelaporan inisiatif tanggungjawab korporat di kalangan komuniti korporat di Malaysia.

2 Julai 2013

9



Majlis Perasmian Pusat Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan Tingkat 14 @Menara SSM, KL Sentral

YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah merasmikan kaunter baru Pusat Perkhidmatan Pendaftaran Perniagaan, SSM di Tingkat 14, Menara SSM@Sentral pada 3 Julai 2013. Pusat ini beroperasi dari jam 8.15 pagi sehingga 5.15 petang (Isnin-Jumaat).

3 Julai 2013

Pencapaian Utama SSM Sepanjang Tahun 2013

4



Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) & Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

Objektif utama perjanjian dengan KUIM adalah untuk memperluaskan skop pasaran program latihan COMTRAC iaitu ke peringkat institusi pengajian tinggi bagi memupuk budaya tadbir urus korporat di kalangan pelajar-pelajar IPT. Selain itu juga bertujuan untuk mengesah dan membuktikan pihak SSM dan KUIM akan mewujudkan inisiatif kesepakatan dan kerjasama antara dua pihak ini, iaitu pihak KUIM memuatkan program latihan SSM "Company Secretaries Training Programme Essential Part A – C" ke dalam program pembelajaran KUIM "Diploma Pengurusan Inovasi" yang akan bermula dari tahun 2013 hingga 2017.

18 Mac 2013

5



Persidangan Kebangsaan SSM 2013 "CORPORATE GOVERNANCE : THE NEW GLOBAL LANGUAGE FOR BUSINESS"

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan 2013 (SSMNC 2013) selama dua hari dengan tema "Corporate Governance: The New Global Language for Business", bertepatan dengan senario perdagangan masa kini yang berkait rapat dengan soal tadbir urus korporat.

Antara topik yang dibincangkan pada persidangan ini adalah *Corporate Governance: The New Global Language for Business – Review and Comments, The 21st Century Notion on Fiduciary Duty and the Business Judgement Rule, Integrating Corporate Responsibility into Business Operations, Rolling in the Deep - Embracing Challenges, Evolving Business Operations and Interest Schemes.*

20 - 21 Mei 2013

6



Persidangan Serantau SSM 2013 "LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP AND SSM CORPORATE UPDATES"

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menganjurkan Persidangan Serantau 2013 (SSMRC 2013) pada 11 dan 12 Jun 2013 di Kuching, Sarawak dengan tema "Limited Liability Partnership and SSM Corporate Updates 2013".

Fokus persidangan SSMRC 2013 pada kali ini adalah :-

- Pengenalan kepada bentuk perniagaan baru yang dikenali sebagai perkongsian liabiliti terhad (PLT)
- Undang-undang dan polisi yang dikawal selia SSM
- Dinamik penguatkuasaan di SSM
- Transformasi penyampaian perkhidmatan perniagaan; dan
- Skim Kepentingan

11-12 Jun 2013

10



SSM menerima "UN Award 2013 for Millenium Development Goal (MDG) Eight : Develop A Global Partnership for Development" di atas Jaliran kerjasama dengan rakan strategik

SSM telah menjalinkan hubungan kerjasama strategik dengan United Nations Children's Fund (UNICEF) melalui Memorandum Persefahaman untuk menghasilkan penerbitan Best Business Practice Circular (BBPC) yang menjadi pekeliling amalan perniagaan terbaik bagi sektor korporat merangkumi topik-topik seperti menyediakan persekitaran Kerja yang kondusif untuk Wanita serta mempromosi latihan teknikal dan vokasional.

24 Oktober 2013

11



(a) SSM menerima Anugerah Inovasi Terbaik Peringkat Agensi di bawah KPNDKK

- Tempat pertama - Projek Sistem Corporate and Business Information CBID;
- Tempat kedua - Program Pengenalan
- Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) ; dan
- Tempat Ketiga - Projek SSM Easybiz Kiosk.

(b) SSM menerima Anugerah Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Terbaik Peringkat Agensi di bawah KPNDKK

24 Oktober 2013

12



Seminar Kebangsaan Mengenai Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2013 : "Ke Arah Tadbir Urus Lebih Baik Organisasi Berasaskan Keuntungan (NPOs)"

Penganjuran seminar ini berasaskan kolaborasi dan kerjasama strategik dalam projek kajiselidik amalan tadbir urus di kalangan NPO yang dikawalselia oleh SSM dan ROS dengan pihak "Accounting Research Institute (ARI)" Universiti Teknologi Mara (UiTM). Tema seminar ini membincangkan mengenai asas kepada tadbir urus yang baik iaitu prinsip keterbukaan, integriti dan keberterangjawabannya.

14 November 2013

PROGRAM HARI INTEGRITI SSM 2013



Program Hari Integriti SSM 2013 telah diraikan oleh SSM sempena sambutan Hari Integriti Kebangsaan yang diraikan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) pada 5 November setiap tahun. Program Hari Integriti SSM telah diadakan pada 23 Disember 2013 (Isnin) bertempat di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah Menara SSM@Sentral Kuala Lumpur. Objektif utama penganjuran Hari Integriti SSM 2013 adalah seperti berikut:

- 1 Meningkatkan kefahaman dan kesedaran pekerja SSM mengenai budaya kerja cemerlang di samping memantapkan integriti diri dalam melaksanakan tugas;
- 2 Mengukuhkan integriti melalui pendidikan berterusan bagi mengelak dan mengurangkan kes salah laku pekerja di SSM;
- 3 Memberi kefahaman kepada pekerja SSM mengenai cabaran dan tindakan yang boleh diambil dalam meningkatkan integriti di dalam organisasi; dan
- 4 Menjadikan integriti sebagai satu cara hidup (as a way of life).

Bagi merealisasikan objektif ini SSM telah bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara (JAN) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai jabatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan audit dan mengawalselia integriti penjawat awam ketika ini. Selain itu, pengisian atau aturcara terpenting bagi sambutan Hari Integriti SSM pada kali ini ialah SSM telah melancarkan Buku Kod Etika Pekerja dan Ceramah Integriti bagi membuktikan bahawa SSM juga komited dengan program-program kesedaran yang disarankan oleh pihak kerajaan dalam membenters gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa di kalangan penjawat awam terutama aspek penguatkuasaan undang-undang oleh Pegawai Penguatkuasa. Di samping itu juga program ini diadakan adalah untuk menunjukkan contoh yang baik kepada pihak-pihak yang berkepentingan (stakeholder).

KURSUS LATIHAN PASUKAN KESELAMATAN KEBAKARAN SSM SESI 1/2013



Sesi bergambar diantara jurulatih dan pelatih yang turut disertai Encik Mohamad Zanyuin Ismail dan juga Encik Amir Ahmad.

1. Pengenalan

Keputusan mesyuarat bersama pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 24 Oktober 2013 telah mengesyorkan agar latihan ini dibuat sebagai syarat wajib bagi pelaksanaan latihan "fire drill" bagi melengkapkan pengetahuan dan kemahiran asas tentang tatacara pengendalian situasi kecemasan dan kebakaran oleh ahli Jawatan kuasa Teknikal Emergency Response Team (ERT) Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

2. Penganjuran

Seramai 20 orang peserta dari Jawatankuasa Teknikal ERT SSM dan 20 orang Ketua Tingkat dari MIDA telah dipilih untuk menghadiri kursus ini yang telah dilaksanakan selama tiga(3) hari bermula dari 10 Disember 2013 sehingga 12 Disember 2013. Kursus Latihan Pasukan Keselamatan Kebakaran ini telah dijalankan di Balai Bomba dan Penyelamat Seputih (Taman Desa), Jalan Klang Lama di bawah seliaan Tuan Jabari untuk kelas teori dan Encik Ramli bagi latihan praktikal.

3. Objektif

Objektif penganjuran program ini adalah seperti berikut:

- a) Program ini bertujuan untuk memberi latihan asas persediaan awalan kepada pasukan keselamatan kebakaran untuk memahami cara-cara membentuk dan mengimplimentasi Prosedur Pelan Tindakan Kecemasan di Menara SSM@Sentral;
- b) Mengenal pasti tentang kepentingan Prinsip Pengurusan Risiko;
- c) Memahami konsep serta prinsip Pengurusan Keselamatan Kebakaran;
- d) Memberi pendedahan mengenai kepentingan Sistem Pepasangan Keselamatan Kebakaran di bangunan;
- e) dan Memahami bahaya kebakaran dan status berkaitan dengan keselamatan kebakaran.

4. Kronologi Latihan

4.1 Hari Pertama (10 Disember 2013)
Para peserta didedahkan dengan teori bagi Pengurusan Keselamatan Kebakaran, Pengurusan Fire Drill dan Pengurusan Kecemasan yang disampaikan oleh Tuan Jabari.

4.2 Hari Kedua (11 Disember 2013)
Teknik Membawa, Membentang & Menggulus Hos, Kawad Hos Kering dan Kawad Hos Basah.

Tatacara Penggunaan Alat Pemadam Api.

4.3 Hari Ketiga (12 Disember 2013)
Latihan Menyelamat di dalam Sistem pembentungan (SEWER)

Latihan menyelamat menggunakan teknik *Breathing Apparatus Training Gallery* (BATG).

5. Tamat Latihan

Upacara tamat latihan ini telah disempurnakan oleh Encik Mohamad Zanyuin Ismail, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), yang sudi meluangkan masa dan diiringi oleh Encik Amir Ahmad, Pengarah Bahagian Sumber Korporat. Beliau menyampaikan sepatah dua kata dan turut menyampaikan cenderahati dari pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai tanda penghargaan kepada pihak Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Adalah diharapkan kursus ini dapat menambah baik dan memperingkatkan daya kecekapan Jawatankuasa Teknikal E.R.T SSM di samping memupuk semangat kerja berpasukan terutama semasa berlaku bencana kebakaran di bangunan Menara SSM@Sentral.



Amalan 5S telah dilaksanakan di peringkat Pejabat Negeri/Cawangan bermula pada bulan Januari hingga Oktober 2013. Amalan 5S ini berkesan untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang lebih seragam dan sistematik bagi membantu pekerja SSM bekerja dalam persekitaran yang kondusif.

Sebagai galakan kepada pekerja, pertandingan Amalan 5S terbaik antara pejabat negeri/cawangan mengikut kategori telah diadakan dan dinilai berpandukan kepada markah pengauditan oleh Jawatankuasa Audit Amalan 5S.

Keseluruhan pejabat negeri/cawangan SSM telah berjaya memperolehi pensijilan amalan 5S dari MPC setelah pra audit dan audit sebenar diadakan dalam tempoh 25 Julai hingga 8 November 2013.



PELAKSANAAN PERSEKITARAN BERKUALITI (AMALAN 5S) DI PEJABAT NEGERI/CAWANGAN

Anugerah Amalan 5S kepada juara setiap kategori telah disampaikan oleh Dato' Mohd Naim Daruwish ketika Majlis Perhimpunan Bulanan Bil 1/2014 pada 7 Januari 2014. Berikut adalah pemenang-pemennangnya:

Kategori	Pemenang
A (melebihi 50 orang pekerja)	Pejabat SSM Johor
B (antara 20 hingga 50 orang pekerja)	Pejabat SSM Sabah
C (kurang dari 20 orang pekerja)	Pejabat SSM Perlis

Pejabat Negeri/Cawangan	Tarikh Pensijilan
Sarawak	31 Julai 2013
Sabah	1 Ogos 2013
Johor	19 September 2013
Perak	17 September 2013
Terengganu	19 September 2013
Selangor	23 Oktober 2013
Pahang	30 September 2013
Kedah	30 September 2013
Kelantan	6 Oktober 2013
Pulau Pinang	23 September 2013
Negeri Sembilan	24 September 2013
Melaka	26 September 2013
Perlis	26 September 2013
Labuan	25 September 2013
Muar	25 September 2013
Temerloh	8 November 2013
Miri	23 Oktober 2013
Tawau	18 September 2013





DIALOG TAHUNAN SSM DI SARAWAK DAN SABAH

Dialog Tahunan SSM merupakan program tahunan yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2005 dengan objektif untuk menggalakan pertukaran idea dan memperjelaskan isu-isu operasi yang dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan dan ia juga menjadi satu platform untuk menyebarkan maklumat kepada pihak awam dalam memastikan fungsi SSM sebagai pengawalselia undang-undang korporat di Malaysia. Sehubungan itu, SSM telah mengadakan majlis Dialog Tahunan di negeri Sarawak pada 10 Disember 2013 di Hotel Hilton, Kuching dan seramai 140 peserta daripada agensi-agensi Kerajaan, badan-badan profesional dan dewan-dewan perniagaan telah menghadiri program ini. SSM juga telah mengadakan majlis Dialog Tahunan di negeri Sabah pada 11 Disember 2013 di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu dan seramai 120 peserta daripada agensi-agensi Kerajaan, badan-badan profesional dan dewan-dewan perniagaan telah hadir.



USAHAWAN DI SHARJAH, UAE KINI TERTARIK UNTUK MEMPERBADANKAN SYARIKAT DI MALAYSIA



YBhg. Dato' Mohd Naim Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif SSM menyerahkan cenderahati kepada Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai.



YB Dato' Sri Hasan Bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bersama wakil kerajaan UAE di majlis perasmian "2ND OIC Halal Middle East Exhibition & Congress 2013" di Sharjah, UAE.

LATAR BELAKANG

KPDNKK melalui Bahagian Francais telah menjemput SSM untuk menyertai Misi Promosi Francais Malaysia sempena "2nd OIC Halal Middle East Exhibition & Congress 2013" bertempat di Sharjah Expo Centre, Sharjah, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 16 – 18 Disember 2013. YB Dato' Sri Hasan Bin Malek, Menteri PDNKK telah menyetujui delegasi KPDNKK ke misi tersebut. Ekspo Francais di Sharjah, Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah dilihat sebagai program yang amat penting dalam memperkenalkan industri francais di UAE. Ekspo ini bukan sahaja menjadi platform kepada syarikat francais dari seluruh dunia untuk mempromosikan sistem dan konsep francais, malah sebagai peluang kepada pelabur untuk mengenalpasti peluang perniagaan baru.

Pada tahun ini, KPDNKK telah menyetujui misi Promosi Francais Malaysia ke Sharjah. Selain Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), agensi lain yang telah menyertai adalah seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Persatuan Francais Malaysia (MFA). Selain itu, sebanyak 12 syarikat pengusaha francais tempatan dan 1 organisasi bukan kerajaan (NGO) turut menyertainya.

OBJEKTIF PENYERTAAN

Objektif misi promosi francais ini adalah untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan francais Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Penyertaan SSM dalam program ini amat penting dalam usaha untuk menarik pelabur dari negara UAE melabur di Malaysia. Di antara objektif penyertaan SSM membuka kaunter informasi dan pameran di Sharjah, UAE adalah seperti berikut:

- Memberi penerangan kepada pengunjung tentang fungsi dan peranan SSM;
- Memberi penerangan kepada pengunjung tentang cara-cara dan prosedur memperbadankan syarikat di Malaysia; dan
- Memperkenalkan penggunaan e-Perkhidmatan SSM seperti e-Info SSM, e-Lodgement dan MyCoLD.

RINGKASAN PENYERTAAN

Secara keseluruhannya, penyertaan SSM di Sharjah telah berjaya menarik minat pengusaha-pengusaha tempatan mendapatkan maklumat berkaitan proses dan prosedur yang perlu diikuti bagi membuka perniagaan di Malaysia baik secara usahasama mahupun membuka cawangan syarikat di Malaysia menerusi penubuhan syarikat asing.

Sepanjang tiga (3) hari program berlangsung, booth SSM telah menerima kunjungan seramai lebih dua ratus (200) pengunjung terdiri daripada usahawan francais, ahli koperasi, peniaga tempatan dan asing yang berminat mencari informasi bagi membuka dan mengembangkan perniagaan ke Malaysia.



PELANCARAN KEDAIKITA

Kedai Kita merupakan kedai berkonsepkan mini *convenience store* yang pertama ditubuhkan di bawah Koperasi SSM (M) Berhad mula beroperasi pada 23 September 2013.

Kedai Kita telah dirasmikan oleh YB Dato' Hasan Malek, Menteri PDNKK pada 26 September 2013. Matlamat kedai Kita ditubuhkan adalah untuk memberi kemudahan mendapatkan barangan keperluan, makanan dan minuman kepada pekerja serta orang ramai dengan harga yang berpatutan. Kedai Kita akan sentiasa bersaing dengan pasaran semasa untuk meningkatkan pelaburan koperasi di masa akan datang.



KEPERLUAN DAN FAEDAH MENDAFTARKAN PERNIAGAAN ONLINE



Apa yang dimaksudkan dengan perniagaan online?

Perniagaan online merangkumi semua urusan perniagaan atau jualan yang dilakukan menggunakan Internet sebagai perantara di antara penjual dan pembeli.

Menurut peruntukan Seksyen 2, Akta Pendaftaran 1956, takrifan perniagaan merangkumi setiap bentuk tred, perdagangan atau aktiviti yang dilakukan bagi tujuan mendapatkan keuntungan.

Oleh itu, mana-mana perniagaan yang dijalankan bagi tujuan mendapatkan keuntungan termasuk melalui internet hendaklah didaftarkan dengan SSM.

Kaedah mendaftarkan perniagaan online adalah sama seperti mendaftarkan perniagaan biasa yang tidak menggunakan perantaraan Internet.

Bagaimanakah cara untuk mendaftarkan perniagaan online?

Pendaftaran boleh dibuat di mana-mana kaunter SSM atau melalui perkhidmatan e-Lodgement di www.ssm.com.my tidak lewat 30 hari dari tarikh permulaan perniagaan. Kaedah pendaftaran perniagaan 'online' adalah sama seperti mendaftarkan perniagaan biasa yang tidak menggunakan perantaraan. Jumlah fi yang dikenakan bagi setiap pendaftaran adalah RM60 setahun jika menggunakan nama tred atau RM30 setahun jika menggunakan nama sendiri.

Apakah bentuk/jenis perniagaan yang mesti didaftar dengan SSM?

Berdasarkan peruntukan undang-undang, semua bentuk perniagaan tidak kira dijalankan secara dalam talian atau luar talian (secara fizikal) wajib didaftarkan dengan SSM.

Oleh itu, tidak kira walau apa bentuk dan jenis perniagaan yang dijalankan secara 'online', ia perlu didaftar terlebih dahulu dengan SSM.

Apakah tindakan SSM dalam berhadapan dengan trend perniagaan internet yang semakin popular hari ini?

SSM mengambil langkah proaktif dengan membuat pemantauan berterusan ke atas syarikat atau perniagaan yang melakukan urusan, promosi dan hebahan maklumat melalui internet bagi memastikan pematuhan ke atas peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan di bawah akta-akta yang ditadbir oleh SSM.

Apakah impak dari segi perundangan sekiranya seseorang perniagaan itu tidak didaftar?

Di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, kegagalan mendaftarkan perniagaan boleh mengakibatkan seseorang individu didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara maksima 2 tahun atau kedua-duanya.

Walaupun seseorang perniagaan telah didaftar, sekiranya didapati bersalah kerana melakukan aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang (misalnya menawarkan produk cetak rompak atau membuat tawaran palsu) Pendaftar mempunyai kuasa untuk membatalkan pendaftaran perniagaan tersebut berdasarkan peruntukan seksyen 5C(2) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Apakah faedah atau kelebihan mendaftarkan perniagaan online?

Terdapat banyak faedah mendaftarkan perniagaan online, antaranya: **Meningkatkan keyakinan pengguna dalam sesebuah urusniaga;**

Memudahkan pengguna membuat verifikasi status perniagaan (mengenalpasti kesahihan sesebuah perniagaan sebelum berurusan);

Memudahkan penyaluran bantuan dari kerajaan untuk tujuan pembangunan perniagaan (contoh: pemberian insentif seperti insurans kelompok peniaga & penjaja kecil atau geran "Get Malaysia Business Online" (GMBO) yang ditawarkan khusus untuk usahawan internet).

Mempunyai identiti di peringkat global, sesuai dengan prospek pemasaran yang luas melalui internet.

Maklumat lanjut berhubung pendaftaran perniagaan boleh didapati dengan melayari laman sesawang SSM di www.ssm.com.my atau hubungi *call centre* SSM di talian 03-7721 4000.

Perkelahan di Sungai Chiling

- Sungai Chiling
- 19 Okt 2013
- 30 Orang



Mendaki Bukit Broga

- Bukit Broga, Semenyih
- 21 Sept 2013
- 30 Orang



Majlis Khatam A-Quran 2013

- Auditorium Tun Dr Siti Hasmah
- 24 Disember 2013
- 100 Orang

Majlis Tahlil & Bacaan Yassin

- Auditorium Tun Dr Siti Hasmah
- 24 Disember 2013
- 100 Orang

Kuliah Muslimah

- Surau SSM / Bilik Kewangan / Bilik Perundangan Tingkat 13 / Bilik Serindit Tingkat 18
- Setiap Khamis dan Rabu minggu pertama (2012 – 2013)
- 30 – 40 Orang

Perandingan Memancing

- Kolum Pancing Sri Bayu, Semenyih
- 9 Nov 2013
- 200 Orang



Discovery Scuba

- Kompleks Sukan Panasonic, Shah Alam
- 26 Okt 2013
- 30 Orang



Konsert Taska Raihana 2013

- Auditorium Tun Dr Siti Hasmah
- 05 Disember 2013
- 40 (Kanak- kanak)



Year End Sale 2013

- Tingkat 14 Menara SSM
- 29 November 2013
- 30 (Gerai)

Kuliah Zohor

(Ustaz Ahmad Fauwa , Ustaz Mohd Sukki Othman Ustaz Rahimi Md Saad)

- Surau SSM / Bilik Kewangan / Bilik Perundangan Tingkat 13 / Bilik Serindit Tingkat 18
- Setiap Selasa minggu pertama, Selasa & Rabu minggu ketiga (2012 & 2013)
- 50 – 60 Orang

Ceramah Khas Bulanan

- Auditorium Tun Dr Siti Hasmah
- Setiap Bulan pada minggu pertama
- 100 Orang

Majlis Tahlil & Bacaan Yassin

- Surau SSM Tingkat 11, Menara SSM@Sentral
- 1 April 2013
- 150 Orang

Mendaki Bukit Tabur

- Bukit Tabur
- 04 Januari 2013
- 30 Orang



KURSUS KEPIMPINAN DAN KECEMERLANGAN DIRI

Kursus Kepimpinan dan Kecemerlangan Diri telah berlangsung dengan jayanya di El-Azzhar Camp, Morib, Selangor. Kursus tersebut dikendalikan pada 2 hingga 5 September 2014 dan dihadiri seramai 37 orang peserta. Objektif program ini diadakan untuk meningkatkan tahap kecekapan kerja dan produktiviti, memperkuat keyakinan jati diri, semangat cintakan SSM, kesedaran integriti dan juga memperkukuhkan modal insan para peserta yang dipilih khusus di kalangan warga SSM yang terpilih berdasarkan prestasi tahun 2012. Antara pengisian yang ditekankan semasa kursus tersebut adalah:

- 1 Mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan potensi diri sebenar.
- 2 Mengubah paradigma diri semasa kepada paradigma cemerlang.
- 3 Mendorong setiap individu dalam organisasi menjadi 'orang baru' yang sanggup menerima perubahan, berfikir positif, berpandangan jauh dan dinamik ke arah kehidupan yang seimbang.
- 4 Memahami unsur dan ciri-ciri transformasi diri ke arah memperkasa modal insan dengan menerapkan nilai-nilai spiritual yang baik selaras dengan matlamat organisasi serta menanamkan nilai-nilai cinta-kasih-sayang kepada setiap ahli dalam organisasi.
- 5 Memahami ketrampilan kritikal untuk membentuk nilai-nilai spiritual dalam diri serta kesedaran terhadap betapa pentingnya mewujudkan sikap yang positif dan hubungan sesama insan serta semangat setiakawan dalam menjalankan tugas harian dengan mempraktikkan nilai salam ukhuwah.
- 6 Merancang dan merealisasikan kecemerlangan diri dalam membentuk modal insan yang ihsan lagi cemerlang, gemilang dan terbilang.



Rumusannya, program ini telah berlangsung dengan baik dan mencapai objektif untuk menambahkan dan meningkatkan mutu kerja para peserta di samping mewujudkan kesedaran keperibadian yang tinggi seterusnya dapat memantapkan daya kerja dan keyakinan untuk terus berkhidmat dengan cemerlang serta memajukan dan menyanjung SSM sebagai organisasi yang disayangi dan juga disegani.



Rumusannya, program ini akan dapat menambahkan, mempertingkatkan daya kecekapan dan meningkatkan mutu kerja kumpulan eksekutif (G50 – G53) disamping memupuk semangat kerja berpasukan di dalam semua skop pekerjaan, seterusnya dapat memantapkan daya kerja dan berkeyakinan untuk memberikan hasil yang terbaik dan menyanjung SSM sebagai organisasi yang disayangi dan juga disegani. Rumusannya, program ini bertujuan untuk mengekalkan momentum kecemerlangan oleh para peserta terpilih. Seterusnya dapat meningkatkan daya kepimpinan berkualiti, kerjasama dan integriti bersumberkan nilai-nilai korporat SSM dalam memupuk semangat kerja berpasukan.

PROGRAM PEMBANGUNAN EKSEKUTIF 2013

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menganjurkan Kursus 'Executive Development Program SSM 2013', melibatkan seramai 67 orang eksekutif dari Ibupejabat, yang diadakan di Swiss Garden Resort & Spa, Kuantan dari 9 – 11 September 2013(sesi 1) dan 12-14 September 2013(sesi 2). Objektif penganjuran program ini adalah seperti berikut:

- 1 Program ini bertujuan memberi latihan kepada barisan kumpulan Eksekutif (G50 – G53) untuk meningkatkan produktiviti kerja yang berteraskan inovasi serta penyelesaian masalah di dalam konsep kerja berpasukan.
- 2 Program ini turut bertujuan untuk melengkapkan kumpulan eksekutif dengan pelbagai kemahiran yang dapat meningkatkan tahap perkhidmatan dan kerja yang lebih cemerlang untuk menghasilkan kualiti kerja yang produktif demi kejayaan individu dan organisasi.
- 3 Penekanan terhadap pemantapan nilai-nilai korporat SSM bagi memantapkan lagi penghayatan dan pelaksanaan berkesan dalam melaksanakan tugas harian.
- 4 Memberi penekanan yang menyeluruh dari aspek kepimpinan dan juga kerja berpasukan serta memperkuat keyakinan jati diri, menerapkan semangat cintakan SSM, mewujudkan kesedaran integriti dan juga memperkukuhkan modal insan para peserta.

Sebagaimana cadangan Tuan KPE berkenaan cara pengkalan prestasi pekerja yang cemerlang dan juga memantapkan momentum kemantapan mereka yang kelihatan bersemangat semasa menerima Anugerah Kecemerlangan, Program Kecemerlangan Kepimpinan 2013 telah dilaksanakan pada 8 – 11 Disember 2013 di Pangkor Island Beach Resort, Lumut, Perak dengan penglibatan seramai 30 orang peserta. Penekanan modul diberikan dalam bentuk objektif program seperti berikut:

- 1 Memantapkan kecemerlangan pekerja yang cemerlang kepada tahap yang lebih efektif dan inovatif melalui konsep kerjasama berpasukan. Penekanan terhadap konsep kerjasama dan kerja berpasukan dalam melaksanakan tugas untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh di antara kumpulan eksekutif dan kumpulan bukan eksekutif agar dapat mewujudkan suasana harmoni dan mendorong kepada satu pasukan yang bersatu padu dalam mencapai matlamat organisasi.
- 2 Mewujudkan 'role model' yang benar-benar bersedia untuk berkongsi kejayaan dengan pekerja-pekerja lain dengan penerapan tahap keyakinan diri, disamping memberi ruang peserta menyumbang idea dan kreativiti demi menghasilkan pekerja yang berinovasi.
- 3 Sebagai persediaan barisan pelapis kepimpinan agar para peserta lebih bersedia disamping mempertingkatkan kesetiaan dan semangat cintakan organisasi serta mengekalkan momentum kecemerlangan staf yang mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012

Rumusannya, program ini bertujuan untuk mengekalkan momentum kecemerlangan oleh para peserta terpilih. Seterusnya dapat meningkatkan daya kepimpinan berkualiti, kerjasama dan integriti bersumberkan nilai-nilai korporat SSM dalam memupuk semangat kerja berpasukan.



KURSUS PEMANTAPAN KECEMERLANGAN KEPIMPINAN 2013



KURSUS KEMAHIRAN KAUNSELING PEGAWAI KAUNSELOR SSM 2013

Objektif utama penganjuran kursus ini adalah seperti berikut:

- 1 Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan kaunselor dalam menangani isu-isu atau permasalahan pekerja yang lebih kompleks dan rumit;
- 2 Menggalakkan pendekatan keadilan yang saksama (Natural Justice) kepada pekerja yang bermasalah sebelum tindakan tatatertib diambil; Meningkatkan peranan Kaunselor SSM dengan lebih aktif dan berkesan; dan
- 3 Mewujudkan suasana persekitaran kerja yang lebih kondusif kepada pekerja melalui bimbingan kaunseling.

Program ini merupakan program khas yang direka khusus untuk pegawai-pegawai kaunselor SSM yang baru dilantik bagi menggantikan pegawai kaunselor terdahulu kerana telah meletak jawatan, dinaikkan pangkat dan ada yang sedang disiasat oleh pihak Berkuasa. Pelantikan mereka amat penting bagi kesinambungan untuk menjalankan fungsi kaunselor terutamanya mengadakan sesi kaunseling kepada pekerja SSM yang mempunyai masalah di tempat kerja masing-masing.

Peserta peserta yang terlibat dalam program ini adalah seramai 22 orang yang terdiri dari pelbagai Bahagian dan Pejabat SSM Negeri di seluruh Negara yang mana mereka dipilih berdasarkan kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan bagi menjalankan tanggungjawab sebagai kaunselor di tempat bekerja mereka masing-masing. Program ini telah dijalankan pada 24 – 26 Oktober 2013 bertempat di Avillion Port Dickson, Negeri Sembilan.



Pegawai-Pegawai Kaunselor SSM yang baharu.

AKTA SYARIKAT 1965: NOTA AMALAN NO. 16/2013

PER: PENERANGAN BERHUBUNG PROSEDUR YANG TERPAKAI BERKAITAN PENYERAHSIMPANAN BORANG 24 DAN BORANG 49

1. Nota Amalan ini bertujuan untuk memaklumkan prosedur yang terpakai berhubung penyerahsimpanan Borang 24 dan Borang 49.

LATAR BELAKANG

Pengumpulan saham dan Borang 24

2. Sekiranya sesebuah syarikat menjalankan pengumpulan saham, syarikat tersebut perlu memaklumkan kepada pihak pendaftar dalam jangka masa satu (1) bulan daripada pengumpulan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 54 Akta Syarikat 1965. Langkah ini merupakan salah satu komponen penting bagi pengemaskinian maklumat struktur pemegang saham sesebuah syarikat.

Pelantikan dan pelucutan pengarah syarikat dan Borang 49

3. Secara amnya, pelantikan dan pelucutan pengarah syarikat dijalankan oleh ahli-ahli. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat kekosongan biasa atau keperluan untuk melantik pengarah tambahan, pengarah boleh dilantik oleh lembaga pengarah. Dalam mana-mana kes tersebut, subseksyen 141 (6) menyatakan bahawa Pendaftar hendaklah dimaklumkan dalam tempoh satu (1) bulan selepas pelantikan atau pelucutan tersebut. Oleh itu, Borang 49 adalah penting untuk menentukan maklumat yang paling terkini berkaitan dengan pegawai (*officer*) sesuatu syarikat dan butir-butir mereka.

Keperluan mengemaskini dan ketepatan maklumat

4. Ketepatan Borang 24 dan Borang 49 adalah penting kerana pihak berkuasa awam dan mereka yang berkaitan bergantung kepada maklumat yang terkandung di dalam borang-borang tersebut.
5. SSM telah menerima beberapa kes kebelakangan berhubung maklumat tidak tepat dalam Borang 24 dan Borang 49 yang telah diserahsimpan dengan SSM. Ini telah menyebabkan maklumat tidak tepat tersebut dibekalkan dan dipercayai oleh orang ramai. SSM turut mendapati bahawa dalam beberapa kes meletakkan tarikh borang-borang tersebut sebelum tarikh sebenar (*backdating*), atas sebab untuk syarikat-syarikat atau pengarah mengelakkan daripada dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa lain.
6. SSM turut mendapati bahawa dalam kes pelantikan pengarah baru, resolusi yang disertakan bersama Borang 49 ditandatangani oleh pengarah baru tersebut. SSM berpendapat bahawa amalan ini tidak boleh diterima.

PERUNTUKKAN AKTA SYARIKAT 1965 BERHUBUNG SERAHSIMPAN BORANG 24 DAN BORANG 49

7. Seksyen 54 memperuntukkan bahawa Borang 24 perlu diserahsimpan dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh pengumpulan (*allotment*) dibuat oleh sesebuah syarikat.
8. Seksyen 141 (6) pula menyatakan bahawa Borang 49 perlu diserahsimpan kepada Pendaftar dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh pemerbadanan syarikat, atau tarikh pelantikan pengarah atau daripada tarikh beliau berhenti daripada menjadi pengarah sesebuah syarikat. Borang 49 juga perlu diserahsimpan kepada Pendaftar bagi memaklumkan sebarang perubahan butiran pengarah dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh perubahan tersebut.
9. Sebarang serahsimpan Borang 24 atau 49 selepas tarikh yang dinyatakan di atas akan menyebabkan fi lewat serah simpan.

PROSEDUR BAHARU BAGI LEWAT SERAHSIMPAN BORANG 24 DAN BORANG 49

Lewat Serahsimpan bagi Borang 24 dan Borang 49

10. Sekiranya Borang 24 diserahsimpan lebih daripada enam (6) bulan daripada tarikh pengumpulan saham, atau lebih dua belas (12) bulan daripada tarikh perubahan dilakukan bagi tujuan Borang 49; syarikat tersebut perlu menyerahsimpan borang-borang tersebut bersama penerangan bertulis untuk menerangkan sebab-sebab kelewatan. Borang-borang berkenaan hanya akan diterima sekiranya Pendaftar berpuas hati dengan penerangan yang diberikan.
11. Meskipun perenggan 10 menyatakan seperti di atas, Seksyen 11(9) Akta Syarikat 1965 turut menggariskan bahawa serahsimpan Borang 24 dan 49 kepada Pendaftar juga perlu disertakan dengan dokumen sokongan atau maklumat berkaitan yang dirasakan perlu bagi membantu Pendaftar membuat keputusan sama ada menerima atau menolak pendaftaran borang-borang tersebut.

Keperluan Resolusi yang disertakan bersama Borang 49

12. Serahsimpan Borang 49 bagi tujuan pelantikan atau pelucutan pengarah syarikat perlu disertakan dengan satu ekstrak resolusi bagi menyatakan tujuan pelantikan atau pelucutan pengarah syarikat. Ekstrak resolusi tersebut perlu mengandungi perkara-perkara seperti berikut—

(a) Pelantikan pengarah syarikat

- (i) Ekstrak resolusi lembaga pengarah adalah mencukupi bagi tujuan pelantikan pengarah baru bagi mengisi kekosongan atau penambahan pengarah syarikat. Resolusi berkenaan perlu ditandatangani oleh mana-mana pengarah syarikat sedia ada (selain pengarah yang baharu dilantik) dan setiausaha syarikat sedia ada; atau
- (ii) Bagi pelantikan pengarah baru yang dibuat semasa mesyuarat agung, Borang 49 perlu disertakan bersama ekstrak resolusi mesyuarat agung syarikat. Ekstrak tersebut perlu ditandatangani oleh mana-mana pengarah syarikat sedia ada (selain pengarah yang baharu dilantik) dan setiausaha syarikat sedia ada.

(b) Pelucutan pengarah syarikat

- (i) Bagi tujuan pelucutan pengarah syarikat, Borang 49 perlu disertakan bersama ekstrak resolusi mesyuarat agung syarikat. Ekstrak tersebut perlu ditandatangani oleh salah seorang pengarah syarikat semasa resolusi tersebut diterima dan setiausaha syarikat; atau
- (ii) Bagi tujuan pelucutan kesemua ahli pengarah syarikat, ekstrak resolusi mesyuarat agung syarikat tersebut perlu ditandatangani oleh:
(A) salah seorang pengarah syarikat yang dilucutkan atau setiausaha syarikat semasa resolusi tersebut diterima; dan
(B) setiausaha syarikat.

13. Perenggan 12(b)(ii) boleh diabaikan sekiranya pengarah atau setiausaha syarikat seperti yang dinyatakan di atas menolak untuk menandatangani resolusi tersebut atau tidak boleh dihubungi. Pendaftar boleh menerima ekstrak tersebut yang ditandatangani oleh mana-mana pengarah syarikat yang ada dan setiausaha syarikat sekiranya berpuas hati dengan penerangan bertulis yang disertakan oleh syarikat berkenaan.

14. Borang 49 perlu ditandatangani oleh pengarah syarikat atau setiausaha syarikat bagi kesemua situasi dalam perenggan 12 dan 13.

15. Mana-mana serahsimpan Borang 49 yang tidak mematuhi ketetapan yang dinyatakan dalam Nota Amalan ini akan ditolak. Syarikat tersebut perlu menyerahsimpan semula kesemua borang-borang yang berkaitan dan fi lewat serah simpan mungkin akan dikenakan.

16. Nota Amalan ini bertujuan untuk memberi penekanan berhubung kepentingan mematuhi keperluan menyerahsimpan Borang 24 dan Borang 49.



Reduan bin Abdullah

Pejabat Negeri Pahang
Pembantu Tadbir
(Gred 48)
16.10.2013



Adilah bin Alip

Pejabat Negeri Selangor
Pembantu Tadbir
(Gred 48)
24.12.2013

PEKERJA BARU



Muhd Abu Hanifah bin Ahmad Sohaimi

Pejabat Negeri Kedah
Pembantu Tadbir (Gred 47)
1.10.2013



Azrimal bin Aziz

Pejabat Negeri Perak
Pembantu Tadbir
(Gred 47)
1.10.2013



Abdul Hanif bin Abdul Rahman

Pejabat Negeri Kedah
Pembantu Tadbir
(Gred 47)
4.11.2013



Muhd Syazwan bin Yusof

Pejabat Negeri Pahang
Pembantu Tadbir
(Gred 47)
6.11.2013



Mawardi Auni bin Omar

Pejabat Negeri Pahang
Pembantu Tadbir
(Gred 47)
18.11.2013



Tengku Ahmad Izzat bin Tengku Kamaruddin

Pejabat Negeri Perak
Pembantu Tadbir
(Gred 47)
18.11.2013



Shahrul Hafizi bin Rosli

Pejabat Negeri Perak
Pembantu Tadbir
(Gred 47)
2.12.2013



Nur Balqhis binti Azizul Hassan

Bahagian Sumber Korporat
Eksekutif (Gred 50)
1.10.2013



Muhd Farid Hakimi bin Khalid

Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran
Eksekutif (Gred 50)
1.10.2013



Muhd Redza bin Bakhtiar

Pejabat Negeri Pahang
Eksekutif (Gred 50)
7.10.2013



Tuan Ahmad bin Tuan Ismail

Pejabat Negeri Selangor
Eksekutif (Gred 50)
1.10.2013



Muhd Zulhimi bin Mohd Fadzil

Pejabat Negeri Selangor
Eksekutif (Gred 50)
1.10.2013



Muhd Azri bin Omar

Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
Eksekutif (Gred 50)
21.10.2013



Mohd Syahmi bin Mohd Yasir

Bahagian Sumber Korporat
Eksekutif (Gred 50)
4.11.2013



Muhd Nor Syafiq bin Mohd Shah

Bahagian Sumber Korporat
Eksekutif (Gred 50)
4.11.2013



Alry Rosman bin Ahmad

Pejabat Negeri Sarawak
Eksekutif (Gred 50)
19.11.2013



Saiful Azharie bin Abdul Malik

Bahagian Pematuhan
Eksekutif (Gred 50)
2.12.2013



Ku Hayati binti Ku Harona

Bahagian Perkhidmatan Perundangan
Pegawai (Gred 58)
1.10.2013

PERSARAAN



Aishah binti Md Arsad

Pejabat Negeri Pulau Pinang
Penyelia
(Gred 49)
1.9.2013



Latepah binti Hussin

Bahagian Pembangunan Perniagaan & Pemasaran
Pembantu Tadbir
(Gred 48)
4.10.2013



Che Soom binti Daud

Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran
Pembantu Tadbir
(Gred 48)
5.10.2013



Rohani binti Haron

Bahagian Pembangunan Perniagaan & Pemasaran
PENYELAJA
(Gred 49)
2.12.2013



Hasnah binti Hj Samad

Pejabat Negeri Pahang
Penyelia
(Gred 49)
27.12.2013

SSM DALAM BERITA



SSM DALAM MEDIA



PERISTIWA BERGAMBAR

Program Majlis Berbuka Puasa YBM PDNKK - 01 Ogos 2013



Shooting Iklan Hari Raya - 02 Ogos 2013



Majlis Aidilfitri & Kemerdekaan KPDNKK - 01 September 2013



Lawatan MIA - 24 September 2013



Lawatan OECD - 12 September 2013



PERISTIWA BERGAMBAR

KPPPK Selangor - 22 Jun 2013



KPPPK Kedah - 29 Jun 2013



KPPPK Terengganu - 9 September 2013



KPPPK Kuala Pilah - 29 Oktober 2013



KPPPK Sabah - 23 November 2013



PERISTIWA BERGAMBAR

KPPPK Penang - 7 Disember 2013



Program Mesra KPDNKK Bersama Masyarakat - 17 Oktober 2013



Lawatan Timur Leste - 27 November 2013



Graduasi Taska - 5 Disember 2013



Program Hari Penjaja & Peniaga Kecil Peringkat Negeri Sembilan 21- Disember 2013





PENERBITAN SSM 2013

